

Konsep Islam dalam Pemikiran Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

The Concept of Islam in Malay Thought: An Inquisitive Semantic Analysis

Julaina Nopiah* dan Athirah Amran

Department of Malay Language, Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages,
International University Islamic Malaysia, 84600 Muar, Johor, Malaysia

*Corresponding author: julainanopiah@iium.edu.my

Received: 12 August 2025; **Revised:** 23 October 2025; **Accepted:** 11 November 2025; **Published:** 17 November 2025

To cite this article (APA): Nopiah, J., & Amran, A. (2025). Konsep Islam dalam Pemikiran Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *PENDETA*, 16(2), 70-92. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.7.2025>

ABSTRAK

Konsep Islam dalam pemikiran Melayu memperlihatkan keterikatan kuat agama Islam dengan kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Peribahasa ialah warisan budaya Melayu yang mengandungi nilai sosial dan moral seperti adab, amanah, kerendahan hati serta keadilan yang turut diterapkan dalam Islam. Sehubungan itu, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran dan akal budi Melayu menerusi peribahasa berkonsepkan Islam. Kajian ini hanya menganalisis empat daripada 66 peribahasa yang diambil daripada laman sesawang peribahasa malaycivilization.com dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu karya Abdullah Hussain (2007). Pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RRS) telah digunakan untuk menganalisis data bagi kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu mempunyai nilai dan konsep-konsep berkaitan Islam, iaitu Konsep Amanah yang boleh dilihat menerusi peribahasa seperti gunting dalam lipatan, Konsep Kerendahan hati menerusi peribahasa ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya, Konsep Sopan santun menerusi peribahasa sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa dan Konsep Keadilan menerusi peribahasa hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pengkaji akan datang khususnya yang memfokuskan kajian peribahasa melalui pendekatan semantik inkuisitif.

Kata kunci: konsep Islam; pemikiran Melayu; peribahasa; semantik inkuisitif; rangka rujuk silang

ABSTRACT

The concept of Islam in Malay thought demonstrates the deep-rooted connection between Islam and the lives of the Malay community since ancient times. Proverbs, as a part of Malay cultural heritage, convey social and moral values such as manners, trustworthiness, humility, and justice, all of which align with Islamic teachings. Therefore, this study aims to identify and analyze the Malay mindset and wisdom through Islamic-themed proverbs. It focuses on four out of 66 proverbs selected from the website malaycivilization.com and the Kamus Istimewa Peribahasa Melayu by Abdullah Hussain (2007). The Inquisitive Semantic Approach and the Cross-Reference Framework (CRF) were used to analyze the data. The findings show that most of the proverbs created by the Malay community reflect Islamic values and concepts, such as the concept of trustworthiness in (gunting dalam lipatan), humility in (ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya), courtesy in (sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa), and justice in (hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah). This study is expected to contribute to future research, particularly those focusing on the analysis of proverbs using the inquisitive semantic approach.

Keywords: Islamic concept, Malay thought, proverbs, inquisitive semantics, cross-referencing approach

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan sebuah bahasa yang kaya dengan frasa idiomatik seperti ungkapan, peribahasa, simpulan bahasa dan karya sastera lain. Nor Hashimah dan Junaini Kasdan (2010) menyatakan masyarakat Melayu dahulu menggunakan peribahasa secara meluas dalam kehidupan seharian dan menjadi sebatik sejak zaman berzaman. Peribahasa juga merupakan medium bagi orang Melayu untuk menyampaikan mesej secara berlapis (Junaini Kasdan & Julaina Nopiah, 2021). Menurut Azarudin, Che dan Rubiah (2021) peribahasa adalah manifestasi masyarakat Melayu lama kepada peristiwa kehidupan yang berlaku di sekitar mereka pada suatu masa dahulu. Walaupun tiada sebarang catatan waktu kewujudan sesebuah peribahasa, tetap menjadi sebagai satu bentuk perbincangan yang bermakna sehingga kini. Rahima dan Nurul Farhana (2017: 77) menyatakan peribahasa Melayu ialah sumber maklumat berkaitan suatu aset yang penting kepada bahasa milik bangsa Melayu. Perkara ini turut disokong dengan pernyataan daripada Rais Yatim dan Yusuf Liu Baojun (2020), iaitu peribahasa juga dapat menunjukkan ciri-ciri sebuah kaum dan tamadun, nilai dan pengalaman hidup termasuk kelemahan sifat manusia.

Perkaitan yang rapat peribahasa Melayu dengan kehidupan orang Melayu telah menjadikannya sebagai salah satu puisi tertua yang memperlihatkan akal budi bangsa Melayu pada suatu ketika dahulu. Perkara ini secara tidak langsung turut memperlihatkan struktur sosial bangsa Melayu lama, aktiviti kehidupan, sikap dan falsafah hidup dalam sesebuah peribahasa itu (Zaitul Akma & Ahmad Fuad, 2011). Menurut Ahmad Munawar et.al (2012) Melayu dan agama Islam adalah dua perkara yang saling berkaitan, iaitu yang tidak dapat dipisahkan serta mempunyai hubungan yang erat antara satu dengan lain. Oleh demikian, sudah semestinya peribahasa yang terkandung dengan pengamatan daripada unsur alam oleh masyarakat Melayu lama, turut dimasukkan bersama elemen kepercayaan atau agama, iaitu agama Islam. Perkara ini disebabkan oleh, Islam adalah agama yang akan kekal teguh sebagai jati diri bangsa Melayu dan menjadi sebagai intipati kepada penentu alam pemikiran Melayu (Zakaria Stapa et.al 2012).

Justeru, secara tidak langsung, konsep Islam yang mendasari peribahasa Melayu dapat ditelusuri dengan lebih mendalam melalui pengkajian ini. Konsep Islam seperti amanah, kerendahan hati (tawaduk), sopan santun (adab) dan keadilan akan dikenal pasti menerusi peribahasa susunan Abdullah Hussain (2007) serta yang diperoleh menerusi laman sesawang <http://malaycivilization/ukm.my/>. Penghuraian akal budi Melayu untuk meneliti makna peribahasa akan dilaksanakan melalui pendekatan Semantik Inkuisitif bagi perbincangan yang lebih jelas dan terperinci.

Pernyataan Masalah

Dasawarsa ini, peribahasa sebagai karya tradisi masyarakat Melayu dilihat sebagai satu peninggalan berharga yang masih kekal relevan penggunaannya pada bila masa, tempat dan siapa sahaja. 'Tak lapuk dek hujan tak lekang dek' panas adalah bersinonim dengan status peribahasa pada ketika ini. Walau bagaimanapun, status kerelevanannya tidak bergerak seiring dengan penerimaan serta pemahamannya kepada masyarakat kini terutamanya golongan muda, iaitu yang dilihat semakin sirna. Menurut Nor Kamillah et.al (2024) tahap penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar di sekolah kebangsaan berada pada tahap yang lemah. Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010) turut memperihalkan bahawa penutur bahasa Melayu kini jarang untuk mengungkapkan peribahasa dalam komunikasi harian. Hal ini juga disokong dengan kenyataan daripada Profesor Datuk Seri Dr Awang Sariyan, iaitu masyarakat hari ini yang kurang penghayatan terhadap peribahasa (Nor Shuhaila Ibrahim, 2021).

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, kebanyakan pengkaji lebih menumpukan terhadap kajian peribahasa berkaitan alam semula jadi, iaitu unsur flora dan fauna tanpa menentukan konsep. Antaranya ialah kajian daripada Eli Aima Shazila & Julaina Nopiah (2020) bertajuk Leksikal Ayam dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif iaitu kajian peribahasa yang dilihat lebih berfokus kepada peribahasa Melayu yang berkaitan unsur fauna, iaitu ayam sahaja. Berikutnya, kajian berkaitan flora seperti penggunaan unsur padi, iaitu dalam kajian bertajuk Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif oleh Junaini Kasdan & Julaina Nopiah (2021). Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian tempatan yang mengkaji peribahasa yang berlainan, iaitu kajian

berkaitan konsep kepimpinan. Kajian Aminnudin Saimon & Muhammad Asyraf Md.Rashid (2022), iaitu sebuah kajian yang melihat kepada konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu melalui pendekatan semantik inkuisitif. Masalah lain yang turut dilihat oleh pengkaji berdasarkan daripada pengkajian lepas, kajian peribahasa melalui pendekatan semantik inkuisitif berkaitan penerapan unsur Islam masih kurang diberi tumpuan. Maka, menerusi kajian ini beberapa konsep Islamik yang telah ditetapkan akan dirungkaikan oleh pengkaji sehingga ke peringkat akal budi dan seterusnya melihat kepada pertautan antara konsep Islam tersebut dalam penghasilan peribahasa.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan menerusi dua objektif utama, iaitu:

- i. Menenal pasti peribahasa Melayu yang berkonsepkan Islam.
- ii. Mencungkil akal budi Melayu melalui peribahasa Melayu yang berkonsepkan Islam.

Sorotan Literatur

Kajian yang diteliti oleh pengkaji merupakan kajian berkaitan pendekatan Islam serta peribahasa, iaitu penyelidikan lalu daripada para sarjana tempatan, pakar-pakar bahasa serta para penyelidik lain berkaitan kajian peribahasa terutamanya yang berfokus kepada semantik dan akal budi. Kajian peribahasa Melayu yang melihat kepada domain rezeki dengan berorientasikan Aves yang dijalankan oleh Muhammad Zaid Daud (2018). Hasil analisis kajian, memperlihatkan terdapatnya pertautan antara elemen rezeki dengan haiwan-haiwan tersebut bagi masyarakat Melayu. Selain itu, Kajian yang turut melihat kepada unsur fauna dalam peribahasa Melayu oleh Eli Aima Shazila Amran dan Julaina Nopiah (2020). Dapatan kajian memperlihatkan bahawa banyak peribahasa Melayu menggunakan 'ayam' sebagai lambang realiti kehidupan, antaranya dari sudut kekeluargaan, rezeki, sikap dan lain-lain.

Seterusnya, kajian oleh Junaini Kasdan dan Julaina Nopiah (2021) yang bertajuk “Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif”. Hasil pengamatan terhadap kajian, memperlihatkan akan sifat padi yang merendah diri, iaitu penafsiran terhadap pokok padi yang semakin menunduk ke bawah apabila dipenuhi dengan butir beras (rezeki). Berikutnya, Siti Noraisyah Bakeri dan Julaina Nopiah (2021) melihat kepada akal budi Melayu menerusi unsur flora, iaitu melibatkan makanan. Dapatan kajian memperlihatkan unsur makanan yang dilambangkan dalam peribahasa berkait rapat dengan kehidupan orang Melayu.

Penyelidikan lain yang turut memberi penekanan kepada konsep dalam peribahasa Melayu seperti kajian oleh Aminnudin Saimon dan Muhammad Asyraf Md. Rashid (2022) yang menumpukan kepada konsep kepimpinan dalam masyarakat Melayu menerusi peribahasa. Penganalisan kajian mengenal pasti tiga konsep utama kepimpinan iaitu pemimpin, gaya kepimpinan serta orang yang dipimpin, iaitu turut meliputi flora dan fauna sebagai perlambangan dalam peribahasa Melayu, iaitu 'gajah' dan 'harimau' yang menggambarkan sifat kepimpinan. Di samping itu, kajian Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli dan Maizura Osman (2023), iaitu yang melihat kepada konsep 'kuasa'. Hasil analisis kajian telah mendedahkan perwakilan simbolik kuasa melalui ciri fizikal haiwan, misalnya kekuatan gajah terletak pada 'saiznya' dan harimau pada 'belangnya'. Kajian yang dilakukan oleh Najib dan Nurul Asyikin (2024) pula dilihat berlainan sedikit dengan kajian-kajian peribahasa yang sebelum ini. Dengan menggunakan analisis bentuk tekstual dan kaedah kualitatif, pengkaji telah membincangkan justifikasi unsur-unsur seksisme dalam peribahasa Melayu dan Parambahan Brunei. Hasil analisis kajian yang dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti kewujudan unsur-unsur seksisme dalam ungkapan Melayu yang dimanifestasikan melalui tiga tema utama, iaitu peranan wanita sebagai ibu dan isteri, interaksi sosial wanita dengan golongan lelaki serta pemerian sifat luaran dan tabiat wanita.

Selain itu, terdapat juga kajian yang mengaitkan pendekatan semantik inkuisitif dengan sistem pembelajaran peribahasa. Sebagai contohnya, kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Ridzuan dan Mary Fatimah Subet (2024) yang cuba menerapkan pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah yang selaras dengan matlamat KSSM Bahasa


Melayu. Sementara itu, George Romiko dan Mary Fatimah Subet (2021) pula telah merungkai makna tersirat yang terkandung dalam bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) seni bahasa melalui penggabungan pendekatan semantik inkuisitif dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kajian-kajian ini telah membuktikan bahawa pendekatan semantik inkuisitif terbukti memberi sumbangan besar dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran berbahasa pelajar.

Kesimpulannya, kajian-kajian yang dibincangkan menunjukkan kepelbagaian pendekatan dalam memahami peribahasa Melayu, terutamanya dalam aspek semantik, akal budi, dan kaitannya dengan flora serta fauna. Penyelidikan yang mengaitkan elemen rezeki, kekeluargaan, kepimpinan, dan kuasa melalui simbol-simbol haiwan dan tumbuhan memperlihatkan bagaimana peribahasa Melayu menggambarkan nilai dan pandangan hidup masyarakat. Selain itu, kajian yang menggabungkan semantik inkuisitif dengan pembelajaran peribahasa di sekolah menengah turut menunjukkan potensi pendekatan ini dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran berbahasa pelajar. Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini memperkaya pemahaman kita terhadap peribahasa Melayu, tidak hanya dari sudut bahasa, tetapi juga dari segi budaya, nilai hidup, dan pendidikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan data yang diperoleh menerusi Kamus Istimewa Peribahasa Melayu karya Abdullah Hussain (2007), laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka dan <https://malaycivilization.com.my/>. Penganalisan data bagi kajian adalah menerusi pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) melalui tiga peringkat yang berbeza, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Pada tahap semantik skrip ini, penghuraian makna daripada data peribahasa adalah terhad, iaitu secara harfiah sahaja. Seterusnya, penganalisan data pada tahap kedua adalah melalui proses pendedahan makna peribahasa, iaitu di peringkat kognitif. Penginterpretasian makna pada peringkat ini juga menerusi pengaplikasian rangka rujuk silang (RRS) yang berada di bawah Teori Relevans untuk menghuraikan makna peribahasa melalui sandaran data korpus daripada pangkalan data. Berikutnya, pada tahap ketiga, iaitu semantik inkuisitif, makna peribahasa tersebut akan dicungkil dari segi falsafah dan akal budi Melayu. Pemetaan makna yang jelas dan sempurna dapat, iaitu daripada abstrak kepada bukti-bukti yang konkrit.

Rajah 1 Kerangka Semantik Inkuisitif



DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan batasan kajian yang telah dibincangkan, data bagi kajian ini hanya memfokuskan kepada empat konsep Islamik sahaja, iaitu amanah, keadilan, sopan santun dan rendah hati. Sebanyak 66 peribahasa berkonsepkan Islam meliputi empat konsep Islam yang berbeza seperti amanah merangkumi 22 peribahasa, rendah hati meliputi 12 peribahasa, sopan santun sebanyak 14 peribahasa dan juga keadilan sebanyak 18 peribahasa. Pemerolehan data peribahasa adalah hasil rujukan daripada Kamus Peribahasa Melayu susunan Abdullah Hussein (2007) dan laman sesawang <http://malaycivilization/ukm.my/>. Walau bagaimanapun, untuk mengawal skop kajian agar lebih jelas dan terperinci, setiap bahagian analisis dan perbincangan akan menumpukan hanya satu peribahasa mewakili setiap konsep yang dipilih, iaitu empat peribahasa sahaja secara keseluruhan. Hal ini adalah untuk mengelakkan percanggahan serta kelewahan data yang menyebabkan kajian menjadi kurang bermutu serta hasil kajian boleh dipertikaikan.

Jadual 1 Peribahasa Konsep Amanah

Konsep	Peribahasa	Maksud
Amanah	Seperti gunting dalam lipatan	Orang yang dipercayai tetapi khianat
	Unjuk yang tidak diberikan	Menjanjikan sesuatu tetapi dengan perkataan sahaja.
	Harapkan pagar, pagar makan padi	Harapan diletakkan di atas bahu seseorang tetapi akhirnya orang itulah yang memusnahkannya
	Anjur surut bak bertanam	Tipu muslihat dalam melakukan pekerjaan.

Tahap 1: Semantik Skrip

Data bagi peribahasa seperti gunting dalam lipatan membawa maksud orang yang mengkhianati kepercayaan yang diberi kepada dirinya.

Tahap 2: Semantik Resonans

Peribahasa ini berkenaan sikap orang yang tidak amanah. Berikut merupakan contoh penggunaan peribahasa tersebut serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu.

Kita juga kesal kerana ada di kalangan pengusaha stesen minyak berkenaan, terutama yang beroperasi berhampiran kawasan sempadan, didapati menyeludup diesel ke negara jiran berikutan permintaan yang tinggi di sana. Tindakan pengkhianat itu memang wajar dibanteras sehingga ke akar umbi dan mereka yang didapati bersalah dikenakan hukuman berat. Sememangnya, kita tidak memerlukan minyak seperti ini kerana mereka tidak ubah seperti *****gunting dalam lipatan*****.

(Tindakan tegas elak seleweng diesel subsidi. Rencana, 2005)

Data korpus di atas bagi peribahasa seperti gunting dalam lipatan merujuk kepada pengusaha stesen minyak tempatan yang tidak jujur, iaitu dengan menjual secara tidak sah kepada negara jiran. Premis tambahan menerusi ayat ketiga dalam data, iaitu pada frasa ‘didapati menyeludup diesel’, ‘negara jiran’ dan ‘permintaan tinggi’ menguatkan lagi pembuktian kepada makna peribahasa tersebut. Leksikal ‘seludup’ membawa kepada pengertian sembunyi atau masuk sesuatu kawasan lain secara haram (Kamus Dewan dan Bahasa, 2014). Oleh demikian, frasa ‘didapati menyeludup diesel’ membawa kepada pengertian yang negatif bahawa pengusaha stesen minyak itu sememangnya seorang yang tidak amanah kerana membawa masuk minyak dengan perbuatan yang salah di sisi undang-undang.

Tambahan juga, frasa ‘negara jiran’ dan ‘permintaan tinggi’ juga adalah maklumat-maklumat tambahan lain yang memperlihatkan bahawa aktiviti haram itu mudah untuk dijalankan kerana berdekatan dengan Malaysia sahaja, bahkan memperoleh keuntungan yang banyak. Namun pemahaman makna tidak terhenti di sini sahaja, iaitu pada frasa lain ‘tindakan pengkhianat’ sememangnya menunjukkan perbuatan orang yang tidak jujur seiring dengan makna peribahasa tersebut. Malah, ayat terakhir dalam data merupakan maklumat tambahan yang menyatakan bahawa negara tidak memerlukan rakyat yang khianat pada negaranya sendiri ini sememangnya bertepatan dengan konteks makna peribahasa seperti gunting dalam lipatan.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) mentakrifkan gunting sebagai alat untuk memotong kain yang terdiri daripada dua bilah logam yang dirangkapkan. Gunting merupakan alat pemotong yang terdiri daripada sepasang bilah logam bertentangan yang bertemu dan akan terpotong apabila pemegang di hujungnya disatukan (Britinnica, 2024). Alat pemotong ini juga turut digunakan berabad lamanya oleh masyarakat Mesir Purba 1500 SM, iaitu daripada bahan logam dan gangsa, bahkan turut di inovasikan oleh masyarakat Rom pada 100 Masihi hasil pengadaptasian reka bentuk daripada orang Mesir Purba. Leonardo da Vinci merupakan tokoh yang sering dianggap sebagai pencipta gunting kerana semasa hayat beliau sering menggunakan alat ini bagi memotong kanvas. Walau bagaimanapun, pada abad ke-18, Robert Hinchliffe merupakan manusia pertama yang diperakui sebagai bapa gunting moden. Bukan itu sahaja, tahun 1761 juga menjadi titik permulaan dalam pengeluaran bahan keluli secara besar-besaran untuk beliau menghasilkan gunting dengan reka bentuk yang lebih praktikal dan mudah untuk dipegang (CNN Indonesia, 2024).

Umum mengetahui bahawa sifat asli gunting itu tajam kerana sesuai dengan penggunaan untuk memotong sesuatu bahan. Dua ketajaman di sisi dengan muncung tajam di hadapan merupakan ciri khas bagi sebilah gunting. Bahan pembuatan gunting asalnya daripada logam, gangsa dan besi pada zaman dahulu, walau bagaimanapun, hasil inovasi pada zaman moden telah mencipta sebilah gunting yang diperbuat daripada keluli, iaitu sebuah bahan yang lebih kukuh dan tahan karat. Gunting yang terdiri daripada pelbagai jenis dan saiz ini merupakan alatan yang mesti ada dalam setiap rumah di dunia ini. Hal ini demikian kerana, kegunaannya yang pelbagai dan bersesuaian dengan setiap kegiatan rumah, iaitu daripada bahagian dapur sehingga luar rumah. Misalnya, digunakan bagi memotong kain, pokok, menyangkan bahan mentah dan pelbagai lagi.

Walaupun bagaimanapun, timbul persoalan mengapa dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu, objek ‘gunting’ sering kali dijadikan konotasi yang negatif sedangkan gunting hanya satu alatan memotong yang membantu memudahkan pekerjaan. Misalnya, menerusi peribahasa seperti gunting dalam lipatan ini dapat dilihat bahawa objek ‘gunting’ akan dijadikan sebagai perlambangan kepada sifat manusia yang buruk. Pada pandangan pengkaji, masyarakat Melayu dulu menggunakan gunting sebagai perlambangan kepada watak manusia yang negatif kerana melihat kepada sifat asli gunting itu sendiri, iaitu sebuah alatan yang tajam untuk memotong. Hal ini demikian kerana, jika diteliti dari aspek fizikal gunting itu sendiri, dapat dilihat gunting mempunyai dua bilah yang bersilang dengan aci (gandar roda atau skru) di tengah serta lubang sebagai pemegang untuk memasukkan jari ketika mahu menggunakannya. Bilah yang terdapat pada gunting kebiasaannya tajam seperti pisau untuk menjadikan kerja pemotongan lebih mudah. Menerusi CNN Indonesia (2024) bilah yang terdapat pada gunting moden ini juga lebih tajam sehingga menghasilkan kuasa pemotongan yang lebih kuat. Tambahan pula, bahagian hadapan gunting yang turut mempunyai muncung tajam, turut memperlihatkan sifat bahaya bagi gunting. Tambahan juga, sifat gunting yang akan memisahkan sesuatu perkara yang masih utuh adalah alasan lain yang memperlihatkan gambaran negatif pada gunting. Hal ini secara tidak langsung juga merupakan perilaku yang buruk jika terdapat dalam diri seorang manusia. Sehingga terdapat pepatah yang mengatakan “janganlah berjalan seperti gunting, meskipun lurus tetapi memisahkan apa yang sudah menyatu”.

Perkara ini dapat dilihat menerusi perbuatan mahupun percakapan manusia dalam dunia hari ini. Misalnya, pada laman media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Tik Tok* dan *X*, banyak hantaran (posting) yang dilihat seolah-olah ingin menyatakan pandangan kebenaran dengan percakapan yang lurus dan baik terhadap sesuatu perkara. Hakikatnya, berniat jahat, iaitu untuk melaga-lagakan orang lain sehingga mencetuskan pergaduhan antara satu pihak dengan pihak yang lain. Ekoran daripada itu

juga, perselisihan faham dan fitnah berlaku sehingga perkara yang hak dan batil itu sukar untuk dibezakan lagi. Walhal, sebagai umat Islam sendiri sudah pasti tahu bahawa perkara ini adalah satu dosa dan bercanggah dengan ajaran agama iaitu, berdasarkan dalil al-Quran menerusi Surah Al-Qalam:

وَلَا تُطِيعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ۝ ١٠ هَمَّا زُ مَسَاءً بَنِيمٍ ۝ ١١

“Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, dan jangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya), dan yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai)”

(QS Al-Qalam/ 29:10-11)

Meneliti dengan lebih dekat pada peribahasa seperti gunting dalam lipatan ini, dapat dilihat leksikal ‘lipatan’ merupakan ciri lain yang digunakan bagi penyampaian makna peribahasa yang sempurna. Lipatan membawa maksud pelipatan sesuatu yang berlipat, iaitu kain, kertas dan lain-lain (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014). Walau bagaimanapun, lipatan yang digunakan sebagai kolokasi kepada objek gunting di dalam peribahasa tersebut tidak dapat ditentukan sama ada merujuk kepada lipatan kain mahupun kertas. Rentetan daripada itu, pengkaji berpendapat bahawa lipatan tersebut membawa pengertian kepada lipatan kain. Hal ini demikian kerana, kain merupakan sesuatu elemen yang sangat penting untuk masyarakat Melayu, iaitu digunakan pada setiap aktiviti harian sehingga digelar sebagai ‘sarung’ (Aszulhida Aman et.al, 2019). Tambah beliau lagi, kain juga adalah sesuatu yang sangat indah dan berharga sehingga wujudnya pelbagai ungkapan halus berkaitan kain di alam Melayu pada suatu ketika dahulu. Misalnya, dapat dilihat menerusi peribahasa sehari semalam benang, lama-lama menjadi sehelai kain.

Meninjau kepada skop yang lebih luas, kain turut dilihat sebagai alat yang penting kepada masyarakat Melayu disebabkan kegunaannya untuk menghasilkan pakaian. Hal ini berikutan kerana, pakaian adalah suatu perkara yang berharga dan disanjung tinggi dalam masyarakat Melayu lama (Omar Ali, 2024). Tambahan pula, kedatangan agama Islam ke tanah Melayu pada suatu ketika dahulu turut memainkan peranan penting dalam pemakaian masyarakat Melayu, iaitu menerusi perintah agama berkaitan kewajipan menutup aurat. Perkara ini juga tidak dapat disangkal lagi kerana bangsa Melayu sememangnya pakar dalam menghasilkan pakaian. Menurut Omar Ali (2024) orang Melayu tempatan prasejarah sememangnya mempunyai kemahiran membuat pakaian daripada kulit kayu. Gunting, kain, jarum adalah bahan asas dalam menghasilkan sehelai pakaian, oleh itu bahan-bahan tersebut sudah semestinya akan terdapat dalam setiap rumah orang Melayu dahulu. Sementara itu, kebijaksanaan orang Melayu dahulu dalam menghasilkan peribahasa sememangnya terhasil daripada pengamatan terhadap suatu perkara. Menerusi perbincangan ini, ‘lipatan’ juga adalah salah satu elemen harian biasa yang tidak terlepas daripada pengamatan penting sehingga dimasukkan ke dalam peribahasa. Misalnya, melihat lipatan tersebut menerusi lipatan-lipatan kain dan pakaian yang terdapat di dalam rumah. Hal ini demikian kerana, lipatan dan kain adalah satu perkara yang saling melengkapi antara satu sama lain. Sebagai contoh, di rumah kain mesti akan dilipat sama ada yang telah digunakan ataupun tidak agar kelihatan rapi dan kemas.

Pada masa yang sama, jika diamati ciri lain yang terdapat pada lipatan juga adalah ‘tersembunyi’ atau tidak kelihatan. Kain atau baju yang berlipat zahirnya akan ada ruang tersembunyi yang boleh diletakkan dengan barang lain. Jadi, perkara ini dapat difahami menerusi peribahasa seperti gunting dalam lipatan, iaitu objek ‘gunting’ pasti tidak akan kelihatan kerana tersembunyi di bawah lipatan tersebut. Sifat gunting yang tajam mungkin dapat memotong dan merosakkan kain tanpa dilihat. Perkara ini dianalogikan kepada sifat manusia yang tidak amanah dan tidak jujur dengan kepercayaan yang diberi dengan melakukan perkara buruk dibelakang tanpa diketahui sesiapa. Perbuatan menipu, tidak amanah dan tidak jujur adalah satu perbuatan yang buruk dan bukan sebahagian daripada pegangan masyarakat Melayu. Bahkan, sebagai umat Islam juga sikap seperti ini adalah dilarang dan bertentangan dengan ajaran Islam kerana termasuk dalam ciri-ciri orang yang munafik. Menerusi hadis Rasulullah s.a.w bersabda:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حُجْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو سُهَيْلٍ نَافِعُ بْنُ مَالِكٍ بْنُ أَبِي عَامِرٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ الْيَقَاقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ

“Tanda-tanda orang munafik ada tiga: iaitu apabila berbicara dia dusta, apabila berjanji dia mungkiri dan apabila diberi amanah dia khianati”

(Sunan an-Nasa'i 5021)

Dalam al-Quran Allah SWT turut berfirman:

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَادِعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا كُتَالَى يُرَاءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا
١٤٢

“Sesungguhnya orang-orang munafik itu hendak memperdayakan Allah, tetapi Allah mengesampingkan mereka. Apabila mereka berdiri untuk solat, mereka melakukannya dengan separuh hati hanya untuk dilihat oleh orang-orang – hampir tidak mengingati Allah sama sekali.”

(Surah An-Nisa, ayat 142)

Berdasarkan hadis dan ayat al-Quran tersebut, dapat dilihat bahawa Islam sangat memandang serius kepada sifat yang amanah dan jujur kerana jika tidak orang tersebut termasuk dalam kalangan orang munafik. Konsep amanah dan perlakuan jujur yang menjadi sebahagian daripada ajaran Islam ini perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dalam kehidupan seharian. Hal ini demikian kerana, seseorang tersebut dapat tergolong dalam kalangan orang munafik jika tidak bersikap amanah dan mendapat balasan azab yang dahsyat daripada Allah SWT iaitu yang akan kekal di dalam neraka buat selamanya dan berada pada tingkat neraka yang paling bawah. Allah berfirman menerusi:

وَعَدَ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْكُفَّارَ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا

Maksudnya: “Allah mengancam orang-orang munafik yang laki-laki dan perempuan serta orang-orang kafir dengan neraka jahanam. Mereka kekal di dalamnya”

(QS At-Taubah/ 10:68)

Dan Allah berfirman lagi:

نَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ وَلَنْ تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang munafik itu (ditempatkan) pada tingkatan yang paling bawah dari neraka. Dan kamu sekali-kali tidak akan mendapat seorang penolong pun bagi mereka”

(QS An-Nisa’/ 4:145)

Kesimpulannya, pengkaji mendapati penghayatan orang Melayu lama pada peribahasa dan alam sekeliling sememangnya mewujudkan hasil pemikiran yang luar biasa dengan perlambangan yang tepat. Misalnya, peribahasa seperti gunting dalam lipatan yang berjaya mempamerkan akal budi Melayu, iaitu yang merujuk kepada kepentingan sifat amanah. Kiasan secara literal ini telah digunakan bagi mengetengahkan berkaitan sifat amanah atau jujur dalam diri seorang manusia, iaitu seperti mana yang turut diajarkan dalam Islam.

Jadual 2 Peribahasa Konsep Kerendahan Hati

Konsep	Peribahasa	Maksud
Kerendahan hati	Ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya	Tidak jatuh martabat orang yang mulia jika merendahkan diri.
	Takkan bongkok sebab menyorok	Tak kan jadi hina kerana membuat kerja rendah untuk tujuan baik.
	Tempayan yang penuh itu tidak berkocak airnya	Orang yang pandai tidak suka menceritakan kepandaianya
	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	Semakin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat makin merendah diri (tidak sombong).

Tahap 1: Semantik Skrip

Data bagi peribahasa ‘ular menyusur akar takkan hilang bisanya’ membawa maksud kepada seseorang yang berjawatan tinggi tidak akan hilang martabat dirinya jika bersikap merendah diri.

Tahap 2: Semantik Resonans

Peribahasa ini berkisarkan tentang orang berjawatan tinggi yang tidak akan hilang martabat diri walaupun bersikap merendah hati. Berikutnya itu, data korpus di bawah merupakan contoh penggunaan peribahasa ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya yang akan dianalisis dengan menggunakan RRS.

Ejen pendidikan pengembangan hendaklah sentiasa menggunakan strategi tidak formal dalam tindak-tanduknya, misalnya semasa berkomunikasi dengan klien ataupun semasa menghadiri acara kemasyarakatan (kenduri-kendara dan sebagainya). Falsafah ini berlandaskan pepatah Melayu, *****ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya*****. Jangan berlagak seperti ular lidi yang hendak menjadi ular sawa

(Rahim M. Sail, Lailawati Mohd. Salleh, Hanina H. Hamsan. Pendidikan Pengembangan Memindahkan Teknologi Baharu. Pendidikan, 2021)

Berdasarkan data korpus, peribahasa tersebut merujuk kepada seorang ejen pendidikan yang perlu mengeneipkan pangkat dan jawatan ketika berurusan dengan pelanggannya. Premis tambahan pada ayat pertama, iaitu menerusi klausa ‘menggunakan strategi tidak formal dalam tindak-tanduknya’ memperlihatkan kefahaman pembaca kepada makna peribahasa. Tambahan pula, pada frasa seterusnya ‘berkomunikasi dengan klien’ dan ‘menghadiri majlis kemasyarakatan’ merupakan maklumat tambahan yang mengukuhkan lagi konteks pemahaman makna peribahasa dengan lebih mendalam. Frasa-frasa ini adalah bukti kepada pemahaman makna yang lebih jelas iaitu pembaca dapat memahami bahawa ejen pendidikan tersebut perlu bersikap merendah hati atau diri ketika berhadapan dan berurusan dengan pelanggannya lebih-lebih lagi di dalam acara keramaian.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Secara umumnya, ular merupakan hidupan liar yang ditakuti oleh kebanyakan manusia tidak kira berbisa atau tidak berbisa. Ular atau nama saintifiknya *serpentes* tergolong dalam “kerajaan Animalia” iaitu makhluk hidup yang memperoleh makanan dengan memakan makhluk hidup lain atau bahan organik yang telah reput (Superadmin, 2023). Secara fitrahnya, ular merupakan spesies reptilia karnivor dan tidak berkaki. Terdapat lebih 520 kumpulan dengan 3500 spesis ular yang boleh ditemui di seluruh dunia kecuali di Antartika, beberapa pulau kecil dan beberapa pulau besar seperti New Zealand, Iceland dan Ireland. Kebanyakan daripada spesies ular mempunyai tengkorak, dan sesetengah daripada mereka

boleh menelan makanan yang lebih besar daripada saiz kepala sendiri (proses yang dikenali sebagai kinesis kranial) (Geeksforgeeks, 2023).

Ular juga merupakan reptilia yang hidup bersendirian di tempat yang tersembunyi dan berdekatan dengan sumber makanan. Habitat semula jadi ular merupakan kawasan hutan, paya, padang pasir, padang rumput dan dalam air sama ada air masin atau tawar. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2014), ular merupakan binatang menjalar yang tidak berkaki dengan kulit yang bersisik. Walau bagaimanapun, mempunyai tulang belakang yang fleksibel dengan beratus-ratus tulang rusuk yang melengkung tajam membolehkan ular dapat memanjat, berenang dan terbang (melemparkan diri ke udara) (Sarah McPherson, 2023). Sementara itu, di Malaysia terdapat lebih 200 spesies ular yang ada, iaitu sebanyak 159 spesies yang dapat ditemui di bahagian semenanjung melibatkan 20 spesies ular darat dan 21 spesies ular laut berbisa (PERHILITAN, 2017). Setiap peribahasa yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dahulu semestinya mempunyai justifikasi yang tersendiri. Contohnya, menerusi peribahasa ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya ini pasti terdapat kerasionalan yang tertentu dengan menggunakan ular sebagai perlambangan dalam penciptaan peribahasa. Berikutan itu, pengkaji mendapati bahawa kehidupan awal masyarakat Melayu lama yang lebih dekat dengan alam telah menjadikan ular sebagai perlambangan yang digunakan dalam peribahasa. Salinah Jaafar (2017) menyatakan bahawa masyarakat Melayu melihat alam sebagai suatu yang rapat dengan jiwa jadi penggunaan unsur alam sebagai perumpamaan, kiasan, perlambangan dalam kehidupan menunjukkan bahawa unsur alam masih lagi mempunyai nilai yang tinggi dalam masyarakat Melayu.

Walaupun bagaimanapun, ular terutamanya yang berbisa seperti tedung selar merupakan spesies yang paling kerap ditemui di sekitar kawasan tempat tinggal. Menurut Haryani Ngah (2016) ular berbisa seperti ular tedung, ular kapak dan ular tebu kebiasaannya terdapat berhampiran kawasan kediaman atau kerja. Azimi (2021) turut berpendapat bahawa ular antara kategori binatang liar yang mempunyai habitat berdekatan dengan manusia kerana terdapat sumber makanan pada persekitaran tersebut. Sebagai contoh, ular sering ditemui di dalam rumah, reban ayam, kebun kelapa sawit dan lain-lain lagi.

Kenapa akar yang dikolokasikan dengan ular tetapi bukan bahagian pokok yang lain iaitu daun, ranting, dahan dan sebagainya? Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu dahulu memerhatikan keadaan ular ketika bergerak dari satu tempat ke tempat, iaitu ular merupakan haiwan yang hidup menjalar di celah-celah daun, kayu dan kadangkala pada ranting-ranting pokok (Hassan, 1986). Selain itu, pokok juga merupakan salah satu habitat bagi ular. Meneliti dengan mendalam, akar yang merupakan sebahagian daripada tumbuh-tumbuhan juga adalah tidak terkecuali untuk menjadi tempat berlindung bagi ular. Secara zahirnya, rupa akar pokok khususnya pokok besar adalah menyerupai seekor ular, jadi apabila ular bersembunyi atau menyusup di dalam akar pokok tidak akan dapat dibezakan dengan sekali imbas. Akan tetapi yang membezakan dua perkara ini adalah kekuatan yang terdapat pada ular iaitu bisa berbanding akar tidak mempunyai bisa.

Secara saintifiknya, akar dan ular boleh dianggap sebagai entiti yang membentuk rangkaian kompleks di dalam ekosistem. Antara peranan penting bagi akar ialah membantu dalam penyerapan air, nutrien dan turut berfungsi sebagai sokongan kepada tumbuhan (Mohd Anim, 2021). Manakala, ular pula adalah sebagai haiwan pemangsa yang turut memainkan peranan penting dalam rantai makanan ekosistem, iaitu membantu mengawal populasi organisma lain. Rosmidzatul (2007) menyatakan bahawa ular juga mempunyai peranan tersendiri dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem. Sebagai contoh, ular membantu dalam mengawal tanaman seperti padi daripada serangan tikus dan serangga perosak lain agar tidak menjadi terlalu dominan. Oleh yang demikian, pembuktian tersebut memperlihatkan pertautan antara ular dan akar, iaitu yang bertindak sebagai pembantu dalam menjaga keseimbangan dan kelestarian alam sekitar.

Sementara itu, penelitian lanjut pada leksikal 'bisa' dalam peribahasa ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya yang merujuk kepada bisa ular sendiri. Bisa merupakan bahan beracun yang terdapat pada sesetengah binatang seperti ular, kala jengking dan sebagainya yang dipindahkan pada mangsanya dengan cara mematuk, menggigit dan menyengat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014). Menurut Haryani Ngah (2016) racun atau bisa ular tersimpan pada kelenjar di kiri dan kanan pipi dan disalurkan ke taring melalui duktus. Tambahan juga, seekor ular biasanya dapat mengawal jumlah pengeluaran bisa kepada mangsanya, iaitu tidak menghabiskan kesemua bisa melalui satu patukan sahaja. Secara zahirnya, bisa merupakan perkara yang tidak akan kelihatan pada luarannya jika tidak dikeluarkan oleh ular. Tambahan juga, bisa yang dikeluarkan oleh ular antaranya sebagai pertahanan

diri. Cartan (2024) menyatakan ular merupakan haiwan yang suka bersendirian dan akan menggigit manusia hanya ketika dalam ketakutan dan diprovokasi.

Berdasarkan peribahasa tersebut, perbuatan ular yang disinonimkan kepada sikap manusia berpangkat tinggi yang merendahkan hati tidak akan kehilangan martabat dirinya. Oleh itu, konsep kerendahan hati yang diberikan kepada peribahasa ini adalah berdasarkan maksud peribahasa ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya. Pembuktian konkrit menerusi peribahasa dapat mencungkil falsafah dan akal budi masyarakat Melayu.

Akal budi pertama yang dapat dicungkil ialah ketajaman pemikiran dan luasnya pengalaman masyarakat Melayu. Ketajaman pemikiran mereka telah membolehkan untuk mencipta peribahasa dengan menggunakan pemerhatian pada sesuatu dan dipadankan menerusi situasi yang terjadi pada ketika itu. Pengalaman yang luas dengan kehidupan alam menjadikan mereka turut mengetahui sifat haiwan termasuk ular. Jadi, pergerakan ular yang menyusur akar itu adalah satu situasi yang menarik kerana kebiasaannya ular akan berada dan menjalar di bahagian atas pokok bukan berada di bahagian bawah. Lebih-lebih lagi, berada pada kedudukan yang lebih rendah pada akar pokok iaitu tanah. Ini dapat dibuktikan menerusi leksikal ‘menyusur’ dalam peribahasa yang bermaksud berjalan mengikut atau sepanjang tepi (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014). Walau bagaimanapun, situasi tersebut tidak menjejaskan keadaan ular pada ketika itu dengan menghilangkan bisanya. Justeru, keadaan ular yang berada rendah pada akar pokok, iaitu di atas tanah tersebut dianalogikan kepada sifat rendah hati dalam diri manusia terutamanya kepada manusia yang mempunyai jawatan tinggi. Konsep rendah hati bagi peribahasa ini dilihat bertepatan seperti yang telah digariskan dalam Islam. Sikap merendahkan hati adalah perkara penting yang harus ada dalam diri semua manusia di dunia. Allah berfirman menerusi Surah al-Furqan ayat 63 maksudnya:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ٦٣

Maksudnya: “Adapun hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pemurah, mereka itu adalah orang-orang yang berjalan di atas muka bumi dengan rendah hati. Dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka (dengan kata-kata yang menghina), mereka menjawab dengan mengucapkan “salam”.

(QS al-Furqan/ 18:63)

Dan Allah SWT berfirman lagi:

وَأَخْفِضْ جُنَاخَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ٢١٥

Maksudnya: “dan rendahkanlah dirimu terhadap orang-orang mukmin yang mengikuti kamu”.

(QS asy-Syu’ara’/ 19:215)

Berikutnya, akal budi yang kedua, iaitu memandang semua manusia adalah sama sahaja. Semua manusia diciptakan adalah sama sebagai seorang hamba di dunia akan tetapi yang membezakannya antara satu dengan lain hanya pada kedudukan, pangkat atau jawatan yang disandang sahaja. Abdul Hadi (2021) menyatakan manusia seluruh manusia ini adalah keluarga kerana diciptakan daripada ibu bapa yang sama (Adam AS dan Hawwa’ AS). Oleh yang demikian, sifat rendah hati dalam diri setiap manusia adalah penting tidak mengira sesiapa sahaja walaupun mempunyai status yang tinggi. Hal ini demikian kerana, status, pangkat dan harta adalah perkara yang tidak kekal, akan tetapi hanya sebagai nikmat dunia semata-mata. Kesilapan seorang manusia adalah sering kali menganggap bahawa kekayaan, harta dan pangkat adalah satu kemasyhuran, kelebihan dan kemuliaan (Nurulfatiha, 2023). Allah SWT juga telah memberi peringatan kepada hamba-hambanya bahawa nikmat kesenangan dunia adalah perkara yang tidak akan kekal bersama. Firman Allah SWT bermaksud:

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ١٨٥

“Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahan dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya.”

(QS Ali ‘Imran/ 3:185)

Bukan itu sahaja, manusia sering menganggap status, pangkat dan harta adalah satu perkara penting yang perlu ada dalam diri sehingga lupa pada hakikatnya bahawa Allah yang Maha Esa tidak memandang itu semua kecuali amalan yang dilaksanakan. Daripada Abu Hurairah RA dia berkata; Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى أَجْسَائِكُمْ، وَلَا إِلَى صُورِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras dan harta kalian, tetapi Allah melihat kepada hati dan amal kalian”.

(Hadis Riwayat Muslim)

Tuntasnya, falsafah dan akal budi yang dapat dicungkil berdasarkan peribahasa adalah supaya bersikap tidak sombong kepada sesiapa sahaja walaupun mempunyai pangkat yang tinggi. Hal ini demikian kerana, dengan berpegang kepada sikap rendah hati akan menghasilkan keperibadian yang berkualiti. Menurut Muhaya Mohamad (2017) kualiti diri seseorang berdasarkan kualiti hatinya, jika hati penuh dengan sifat rendah hati seperti baginda Rasulullah s.a.w, pasti mempunyai hidup yang berkualiti di dunia dan akhirat kelak. Selain itu, sebagai seorang Muslim perlu berpegang pada hakikat bahawa semua manusia adalah setara sahaja terutamanya di sisi pencipta Allah SWT. Patoni (2021) menyatakan manusia pada dasarnya mempunyai kedudukan yang sama sahaja. Perkara ini turut disokong oleh Fahmi (2022) bahawa tidak akan ada kelebihan atau kemuliaan seorang manusia ke atas manusia yang lain, iaitu hanya dipandang sama kerana semua berasal daripada tanah, akan tetapi yang membezakan ialah ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya. Sememangnya peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu dahulu banyak ketersiratan makna yang perlu dicungkil dengan sebaiknya.

Jadual 3 Peribahasa Konsep Sopan santun

Konsep	Peribahasa	Maksud
Sopan santun	sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa	Kecelakaan yang menimpa itu disebabkan oleh percakapannya.
	Gunting makan di hujung	Kata-kata yang sopan tetapi tajam maknanya.
	Air jernih, ikannya jinak	Negeri yang aman dan teratur, rakyatnya berbudi bahasa
	Air dingin yang dapat memadamkan api	Kata-kata yang lemah lembut dapat menyejukkan hati yang marah

Tahap 1: Semantik Skrip

Data bagi peribahasa ‘sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa’ membawa maksud kesusahan yang berlaku pada diri disebabkan oleh percakapannya sendiri.

Tahap 2: Semantik Resonans

Peribahasa ini berkisarkan tentang orang berjawatan tinggi yang tidak akan hilang martabat diri walaupun bersikap merendah hati. Berikutan itu, data-data korpus di bawah merupakan contoh penggunaan peribahasa ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya yang akan dianalisis dengan menggunakan RRS.

- i. Seperti kata pepatah Melayu *****kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa*****,
 mana-mana pihak yang menyentuh isu ketuanan Melayu sepatutnya lebih berhati-hati dalam menyuarakan pandangan masing-masing, baik yang berturunan Cina atau orang Melayu sendiri

(Anak Merdeka. Hak istimewa bukan isu mainan. Surat Pembaca, 2000)

Data 3 memperlihatkan RRS dalam data korpus bagi peribahasa *kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa* merujuk kepada masyarakat yang perlu peka dalam menyatakan pandangan berkaitan isu ketuanan Melayu. Hal ini demikian kerana, berdasarkan premis tambahan pada ayat kedua terakhir jelas menyatakan bahawa perlu berhati-hati dalam menyuarakan pandangan peribadi yang membantu pembaca dalam memahami makna peribahasa dengan mendalam.

Oleh itu, peribahasa *kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa* ini membawa maksud kepada kesusahan yang menimpa itu disebabkan oleh percakapan sendiri. Kesusahan membawa kepada pengertian kesan buruk seseorang akibat kata-katanya. Sementara itu, premis tambahan merupakan penerangan lain bagi menjadikan penggunaan peribahasa dalam data korpus tersebut dapat difahami dengan lebih mudah oleh pembaca. Oleh itu, penerapan rangka rujuk silang (RRS) adalah membantu dalam menghuraikan makna peribahasa dengan tepat berdasarkan konteksnya.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pulut atau dikenali sebagai *sticky rice* atau *glutinous rice* merupakan sejenis bijirin beras yang ditanam di sekitar negara Asia Tenggara. Beras pulut atau *oryza sativa var. glutinosa* adalah sejenis beras yang melekit setelah dimasak iaitu dengan tekstur yang melekit seperti gam. Terdapat pelbagai gelaran bagi beras ini, misalnya beras pulut (Malaysia), beras berlilin, beras manis, beras permata dan beberapa gelaran lain. Walau bagaimanapun, di Malaysia beras pulut merupakan sejenis bijirin yang tidak asing lagi bagi masyarakatnya terutama dalam masyarakat Melayu. Menurut Mohd Anim (2017) menyatakan bahawa masyarakat Melayu menggunakan beras pulut untuk dijadikan pelbagai hidangan tradisional yang lazat. Sebagai contoh, kuih seri muka, pulut durian, pulut panggang dan pelbagai lagi. Beras pulut di Malaysia juga lebih dikenali dengan nama beras pulut hitam dan beras pulut putih berikutan warna dan rasa yang berbeza daripada kedua-dua jenis beras pulut ini.

Hasil pengamatan mendalam dan pengalaman luas masyarakat Melayu lama dalam kehidupan telah mewujudkan peribahasa kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa yang memperlihatkan ketinggian falsafah dan akal budi Melayu. Misalnya, daripada pemerhatian terhadap alam sekeliling sehingga kepada pembuatan hidangan makanan berjaya dijadikan sebagai alat untuk menyampaikan nasihat dan pengajaran dalam kehidupan manusia. Penggunaan 'santan' yang dikolokasikan dengan pulut menerusi peribahasa memberi gambaran bahawa masyarakat Melayu dahulu mungkin memerhatikan kesan yang berlaku selepas menikmati hidangan pulut yang dimasak bersama santan seperti mengalami kembung perut, angin dan lain-lain.

Santan merupakan air kelapa yang telah diparut (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014). Santan kelapa merupakan bahan asas bahkan menjadi bahan keperluan dalam penghasilan hidangan makanan bagi masyarakat Melayu seperti nasi lemak. Walau bagaimanapun, penggunaan santan kelapa dalam hidangan selalunya tidak terhad kepada bagi hidangan yang manis (pencuci mulut) sahaja, akan tetapi turut digunakan bagi hidangan yang tidak manis (savuri). Sementara itu, pulut dan santan ialah bahan yang sering kali digabungkan bersama terutamanya dalam pembuatan kuih tradisional iaitu kuih seri muka, wajik (pulut kacau), lemang dan pelbagai lagi. Sifat asli santan yang berlemak serta aroma khas daripada buah kelapa menghasilkan sebuah kombinasi yang sempurna iaitu sesuai dengan tekstur pulut yang melekit. Santan mempunyai rasa lemak dan digunakan sebagai perasa bagi melazatkan masakan termasuk dalam penyediaan kuih seperti pulut mangga (Mohd Anim, 2016).

Tanggapan masyarakat bahawa santan mempunyai kolesterol dan pencetus kepada pelbagai penyakit merupakan perkara yang salah. Seperti yang sedia maklum, santan merupakan bahan yang berasal daripada tumbuhan semulajadi iaitu pokok kelapa. Menurut Hazwani Adha (2024) setiap bahan yang terhasil daripada tumbuh-tumbuhan semulajadi tidak akan mempunyai sebarang kolestrol. Malah, Dr Malar seorang pakar perubatan dan pempengaruh terkenal turut menyatakan bahawa "buah kelapa secara saintifiknya memang tiada kolestrol" (Hazwani, 2024). Tambahan pula, santan juga memberi kebaikan kepada kesihatan antaranya penurunan berat badan, kesihatan jantung dan sistem imuniti (Taufik, 2024). Walau bagaimanapun, santan mempunyai kandungan lemak yang tinggi dan pengambilan yang berlebihan adalah tidak baik untuk kesihatan badan. Setiap 300 mililiter santan mengandungi hampir 90 peratus kandungan lemak, iaitu melebihi keperluan tubuh badan manusia (Khairun Amirah, 2023). Tambah beliau lagi, pengambilan makanan bersantan secara berlebihan boleh meningkatkan paras kolestrol jahat dalam darah dan berisiko mendapat penyakit jantung atau strok.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa peningkatan kadar kolestrol dalam badan adalah disebabkan pengambilan lemak yang berlebihan bukan kerana santan semata-mata. Justeru, kesan yang dilihat selepas menjamah hidangan yang berkombinasikan pulut dan santan ini bukan disebabkan oleh santan, akan tetapi sifat ‘pulut’ itu sendiri yang sememangnya berangin. Fatimah Salim (2024) menyatakan pulut terdiri daripada bahan kimia utama seperti *carbohydrates complex* iaitu *amylose* dan *amylopectin* dikenali sebagai kanji. Tambah beliau juga, punca terjadi ‘angin’ dalam badan adalah kerana apabila terdapat struktur kimia yang padat dalam kanji amylose, proses penggelatinan tidak berlalu dengan baik dan sukar untuk dicerna oleh enzim amylase, akan dibawa ke dalam usus besar dan menjadi sumber makanan kepada bakteria (fermentasi). Bahkan, bakteria tersebut juga akan menghasilkan gas metana dan asid lemak menerusi proses penguraian. Gas metana yang tidak dikeluarkan daripada badan (kentut atau sendawa) yang menyebabkan kepada kembung atau ‘angin’ (Fatimah Salim, 2024). Bukan itu sahaja, pulut yang juga tergolong dalam kumpulan karbohidrat dan mempunyai Indeks Glisemik (IG) yang tinggi dan boleh menjadi penyebab kepada mengantuk dan diabetes (kencing manis) (Sarah Shahrudin, 2020).

Meninjau kepada skop yang lebih luas, alasan lain pulut digunakan dalam peribahasa ini juga berkemungkinan dilihat daripada perspektif kehidupan seharian masyarakat Melayu lama menerusi aktiviti penangkapan binatang seperti burung. Selain sebagai sebuah hidangan makanan, pulut juga membawa maksud getah daripada tumbuh-tumbuhan yang digunakan bagi menangkap burung (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014). Penggunaan pulut ini merupakan salah satu kaedah tradisional dalam memerangkap dan menangkap burung. Bahan asas dalam pembuatan pulut pada mulanya hanya daripada sumber semulajadi seperti getah pokok, misalnya menerusi pokok getah, pokok nangka dan pokok sukun. Walau bagaimanapun, pada masa kini bahan asas dalam pembuatannya turut menggunakan gam seperti gam Fox (Klop mart, 2021). Bagi menghasilkan pulut burung ini, getah-getah pokok tersebut akan dikumpulkan dan dipanaskan sehingga berubah kepada tekstur yang lebih kental sebelum digunakan. Kemudiannya, pulut tersebut akan diletak pada sekeliling ranting kayu atau buluh bagi menangkap burung (Edi, 2014). Rupa dan warna bagi pulut burung adalah sama seperti santan kelapa asli disebabkan penghasilannya daripada susu getah (getah-getah pokok), akan tetapi berbeza daripada segi tekstur, iaitu lebih kental dan melekit (bentuk pepejal) berbanding santan asli yang cair (bentuk cecair). Ungkapan kerana pulut santan binasa mungkin diperhatikan masyarakat Melayu pada keadaan santan (susu getah) yang pada dasarnya mempunyai kebaikan tersendiri akan tetapi, telah disalah gunakan bagi menghasilkan bahan (pulut) untuk menjjerat burung iaitu suatu perbuatan yang kurang baik.

Meneliti dengan lebih mendalam pada peribahasa kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa ini, dapat dilihat bahawa frasa kerana mulut badan binasa digunakan bagi penyampaian makna peribahasa yang sempurna. Penggunaan anggota tubuh seperti mulut dan badan dalam peribahasa memperlihatkan kewajaran yang rasional jika diletakkan bersama elemen ‘pulut’ dan ‘santan’. Hal ini demikian kerana, seperti yang telah dijelaskan pada mulanya, pulut dan santan merupakan bahan dalam sesebuah hidangan masakan. Oleh itu, mulut merupakan anggota tubuh manusia yang dilihat paling bersesuaian disebabkan fungsi utamanya, iaitu yang digunakan untuk makan, manakala badan pula merupakan anggota tubuh yang dapat menunjukkan kesan daripada pengambilan makanan seperti sakit perut, pedih ulu hati, angin dan lain-lain. Hal ini demikian kerana, makanan yang dimakan akan disalurkan dari mulut ke perut melalui tiub esofagus (Hidayatul, 2017).

Mulut atau rongga mulut yang turut terdiri dengan beberapa anggota lain merupakan bahagian yang digunakan untuk bertutur, bernafas dan makan. Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) mentakrifkan mulut sebagai bukaan tempat untuk mengunyah makanan (kawasan lidah dan gigi pada manusia serta haiwan). Antara anggota lain yang terdapat dalam rongga mulut ialah bibir, gigi dan gusi, lidah dan lain-lain. Mulut yang terlibat dengan pelbagai fungsi, menjadikannya sebagai salah satu anggota badan yang penting kepada semua manusia. Mulut adalah salah satu organ penting di dalam sistem pencernaan manusia yang memiliki pelbagai fungsi seperti mengunyah, menelan dan mencerna makanan serta minuman sebelum turun ke perut. Bahkan, turut merupakan organ pertama pada saluran pencernaan (Siloam Hospitals, 2023). Justeru itu, boleh dikatakan bahawa makanan yang dikonsumsi oleh mulut dapat memperlihatkan kesan pada tubuh badan. Menurut Aemy dan Arieff (2013) menyatakan pengambilan makanan sihat dan seimbang adalah penting untuk membekalkan tenaga, menjauhi penyakit serta dapat membina sel atau tisu bagi pertumbuhan anggota badan agar sentiasa sihat.

Mulut yang turut berfungsi sebagai alat pertuturan ini turut dilihat dalam situasi yang sama, iaitu setiap tutur kata yang dikeluarkan manusia dapat memberi kesan pada diri tidak kira yang baik atau buruk. Penerokaan yang luas dan mendalam oleh masyarakat Melayu memperlihatkan bahawa anggota ‘mulut’ secara zahirnya dapat memberi kesan secara langsung atau tidak langsung pada tubuh badan sama ada ketika makan atau bercakap. Berdasarkan peribahasa tersebut, akal budi Melayu yang dapat ditemui adalah keperluan dalam menjaga percakapan. Hal ini demikian kerana, setiap percakapan yang dikeluarkan dapat memberi kesan kepada diri seorang manusia, iaitu kesan baik atau buruk. Dengan mulut seseorang dapat menyatakan hasrat, menyampaikan dan menuntut ilmu (Majlis Islam Sarawak, 2023). Bukan itu sahaja, percakapan juga merupakan pantulan kepada keperibadian diri seorang manusia. Istilah ‘mulut jahat, hati baik’ yang dinormalisasikan dalam masyarakat sekarang adalah perkara yang salah dan perlu dihentikan. Hal ini demikian kerana, sebarang perkataan yang keluar daripada mulut itu merupakan gambaran kepada hati dan pemikirannya (Suhana, 2022). Jika ditinjau dari sudut pandang masyarakat Melayu lama, mulut antara anggota badan yang diketengahkan sehingga terdapat banyak peribahasa berkaitan ‘mulut’ yang dihasilkan. Menurut Faisal Muhamad (2021), sebanyak 64 pepatah Melayu lama tentang mulut yang boleh dirujuk di laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Justeru, dapat dikatakan bahawa sememangnya ramai orang yang tidak pandai untuk menjaga percakapan daripada dahulu sehingga zaman sekarang. Realitinya, dapat dilihat menerusi laman-laman media sosial pada masa kini masyarakat yang sangat lantang dalam berbicara dan mengeluarkan pendapat tanpa memikirkan terlebih dahulu kesan pada diri sendiri. Imam Al-Ghazali pernah berkata bahawa setiap makanan yang masuk ke dalam perut akan memberi manfaat atau mudarat kepada tubuh badan manusia. Begitu juga dengan perkataan yang didengari apabila masuk ke dalam hati ada yang menjadi penawar dan ada yang menjadi racun” (Huzili, 2019).

Berikutan itu, dalam agama Islam sendiri telah menegaskan kepada umatnya untuk menjaga mulut kerana seseorang itu boleh melakukan dosa hanya dengan menggunakan mulut, malahan pada hari perhitungan nanti mulut merupakan anggota yang tidak dapat berbicara lagi. Menerusi hadis daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

نَقَّوْىَ اللَّهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ، وَسَيْئِلَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ النَّارَ، فَقَالَ: الْفَمُ وَالْفَرْجُ

Maksudnya: “Taqwa kepada Allah dan baik akhlaknya.” Lalu Baginda SAW ditanya lagi berkaitan sebab kebanyakan manusia dimasukkan ke dalam neraka? Baginda SAW menjawab: “Mulut dan kemaluan.”

[Riwayat al-Tirmizi (2004)]

Seterusnya, bagi akal budi yang kedua ialah masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang bersopan santun. Akal budi ini dibuktikan menerusi pandangan daripada Salina Ja’afar (2005) menyatakan masyarakat Melayu sememangnya sudah terkenal dengan budaya kesopanan dan kesantunan yang tinggi. Awang (2007) dalam Ku dan Madzelah (2019) mendefinisikan kesantunan sebagai “halus (berbudi bahasa atau budi pekerti), sopan, beradab” atau “sifat kehalusan budi bahasa atau budi pekerti”. Kesantunan dalam budaya Melayu tidak hanya berfokus pada satu perkara akan tetapi secara menyeluruh, misalnya kesantunan dari segi perbuatan, berbahasa bahkan cara berpakaian turut dititik beratkan. Penetapan konsep sopan santun dilihat bertepatan dengan makna peribahasa kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa. Budaya masyarakat Melayu amat menitikberatkan budi bahasa yang mulia ketika berbicara kerana setiap orang itu mempunyai nilai dan etika tersendiri (Salinah Ja’afar, 2005). Justeru itu, bersopan-santun dalam kehidupan itu adalah penting kerana budi pekerti yang murni adalah hasil daripada kata-kata yang baik.

Dalam Islam perlakuan yang bersopan santun ini merupakan perkara penting yang turut diajarkan. Sebagai contoh, dapat dilihat daripada perilaku Rasulullah iaitu Nabi Muhammad SAW yang penuh dengan kesantunan sama ada dalam perbuatan atau berbicara. Allah SWT berfirman:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ۚ فَاعْلَمْ

“Kerana rahmat Allah, engkau wahai Nabi telah berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu berlaku zalim atau keras hati, tentulah mereka akan meninggalkan kamu”.

(QS Ali Imran /3:159)

Sebagai umat Islam perlu untuk berperilaku yang bersopan santun kerana perbuatan dan percakapan yang tidak elok adalah ditegah serta tidak disukai oleh Allah. Menerusi Surah An-Nisa’ Allah SWT berfirman:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ ۚ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ۝١٤٨

“Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

(QS An-Nisa’ / 4:148)

Dengan demikian, falsafah yang dapat dicungkil menerusi peribahasa adalah keperluan dalam menjaga percakapan dan sifat kesantunan dalam diri agar tidak ditimpa sebarang musibah disebabkan perbuatan diri sendiri. Hal ini demikian kerana, pertuturan seseorang itu bukan sahaja meninggalkan kesan pada diri sendiri malah pada orang juga. Menurut Mohammad (2021) hanya disebabkan percakapan, pergaduhan antara ahli keluarga, penceraian antara suami isteri dan permusuhan antara satu dengan yang lain boleh berlaku. Kata pepatah “Bercakap itu perak, berdiam itu emas”, iaitu manusia sebaiknya perlu berdiam dan berfikir terlebih dahulu sebelum berbicara.

Jadual 4 Peribahasa Konsep Keadilan


Konsep	Peribahasa	Maksud
Keadilan	Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah	Pembahagian yang sama rata atau adil
	Seruas tebu yang berulat seruas dibuangkan	Hanya yang bersalah perlu di hukum jangan sekeluarganya
	Bagai air jatuh ke pasir	Permohonan yang tidak diendahkan; surat yang tidak mendapat balasan
	Duduk dengan cupak dan gantang	Ketua yang adil

Tahap 1: Semantik Skrip

Data bagi peribahasa ‘hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah’ membawa maksud pembahagian yang adil antara dua pihak.

Tahap 2: Semantik Resonans

Peribahasa ini berkaitan sikap yang adil kepada semua pihak. Data-data korpus di bawah merupakan contoh penggunaan peribahasa beserta penghuraian pada proses kognitif yang berlaku di dalam minda penutur Melayu.



(Ismail Hamid. Masyarakat dan Budaya Melayu. Sosial, 1988)

Berdasarkan petikan data korpus yang dikemukakan, peribahasa *hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah* merujuk kepada sifat orang pemurah dan dermawan yang adil dalam berkongsi rezeki. Premis tambahan pada ayat pertama, iaitu frasa ‘membahagi-bahagikan rezeki’ menguatkan pemahaman pada makna peribahasa tersebut. Begitu juga dengan frasa seterusnya ‘mendapat sama berlabab’ dan ‘kehilangan sama berugi’ pada ayat ketiga sebagai maklumat tambahan yang juga dilihat dapat memberi pengertian jelas kepada pembaca bagi perumpamaan tersebut.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Setiap peribahasa Melayu yang tercipta, semestinya mempunyai justifikasi-justifikasi yang tersendiri. Misalnya pada dapatan 4 ini, peribahasa *hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah* terdapat alasan penggunaan objek ‘hati’, ‘gajah’ dan ‘kuman’ yang digunakan sebagai perlambangan dalam peribahasa yang meneliti kepada konsep keadilan ini. Tambahan juga berdasarkan penelitian yang mendalam memperlihatkan penggunaan organ ‘hati’ dikolokasikan kepada hidupan ‘gajah’ dan ‘kuman’ bukannya organ-organ lain.

Hati merupakan salah satu organ yang terdapat dalam tubuh badan benda bernyawa termasuk manusia dan haiwan. Hati membawa maksud organ yang berwarna perang kemerah-merahan di dalam tubuh yang mengeluarkan hempedu dan membersihkan darah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014). Pada tubuh badan manusia, hati merupakan organ penting untuk kelangsungan hidup, iaitu yang terletak pada bahagian kanan di atas rongga perut (otot diafragma) dengan berat sekitar 2 kilogram atau 3-5 peratus daripada jumlah berat badan seseorang (Sairi, 2015). Secara saintifiknya, hati merupakan organ yang berfungsi untuk meneutralkan toksik dalam badan, menghasilkan cecair hempedu, sebagai tempat penyimpanan glukosa dan pelbagai lagi. Walau bagaimanapun, hati juga merupakan elemen yang akan dikaitkan dengan perasaan atau emosi yang positif dan negatif dalam diri seperti kecil hati, terasa hati, berbesar hati dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, pada pandangan pengkaji penggunaan leksikal ‘hati’ dalam konteks peribahasa tersebut adalah merujuk kepada perasaan atau dalam erti kata lain perasaan terhadap keadilan.

Masyarakat Melayu dahulu menjadikan gajah dan kuman sebagai perlambangan dalam peribahasa berkaitan keadilan kerana kedua-dua simbol ini menggambarkan prinsip keadilan dan kebenaran dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana, masyarakat dahulu melihat gajah sebagai haiwan yang melambangkan kuasa, ketegasan, serta kewibawaan. Menurut Julaina Nopiah et.al (2023) gajah dilambangkan sebagai haiwan yang mempunyai kekuasaan disebabkan sifat yang kuat dan besar. Jadi ciri-ciri ini dilihat bertepatan untuk menegaskan keadilan. Gajah merupakan mamalia darat terbesar di bumi dengan ciri fizikal yang besar serta belalai yang panjang (World Wild Life, 2024). Secara saintifiknya gajah dikenali sebagai *Elaphas Maximus*, iaitu yang terdapat di Asia dan *Loxodonta Africana* di Afrika. Terdapat kira-kira lebih 10 perbezaan bagi kedua-dua spesies gajah tersebut. Sebagai contoh, gajah Asia memiliki telinga yang lebih kecil berbanding gajah Afrika. Tambahan juga, bagi gajah Asia juga hanya jantan sahaja yang memiliki gading berbanding gajah Afrika yang dimiliki oleh kedua-dua jantina (World Wild Life, 2024). Walau bagaimanapun, saiz gajah Asia adalah lebih besar, iaitu sekitar 2.5 hingga 3 meter ketinggian dengan berat mencecah 5000 kilogram berbanding saiz gajah Afrika (Salman & Nasharuddin, 2006). Ciri-ciri fizikal gajah yang besar dan kuat memperlihatkan kuasa yang ada pada gajah.

Gajah dalam masyarakat Melayu lama merupakan haiwan yang penting dalam kehidupan seharian. Menurut Nurul Izzati et.al (2014) gajah merupakan haiwan yang memainkan peranan utama dalam kehidupan untuk memudahkan pelbagai urusan dan pekerjaan bagi semua lapisan masyarakat termasuk golongan diraja sejak dari zaman kesultanan Melayu lagi. Misalnya, gajah digunakan sebagai pengangkutan untuk bergerak dari satu kawasan ke kawasan lain. Dengan keadaan infrastruktur tanah Melayu yang serba kekurangan pada suatu ketika dahulu, gajah berperanan penting sebagai pengangkutan menerusi jalan darat mahupun sungai. Sebelum wujudnya kemudahan prasarana seperti jalan raya dan landasan kereta api, haiwan merupakan pengangkutan utama masyarakat zaman dahulu dan salah satunya ialah gajah (Nurul Izzati, 2017). Tambah beliau, gajah juga dilihat sebagai haiwan yang pelbagai guna, iaitu dengan saiz tubuh badan yang besar dan tahan lasak membolehkan gajah menjadi pengangkutan bagi meredah hutan belukar, mengharungi sungai, denai, paya dan semak samun. Gajah turut dilihat sebagai haiwan yang berkuasa kerana gajah mempunyai keterikatan langsung dengan golongan atasan pada suatu masa dahulu. Buktinya, golongan pemerintah dan bangsawan mempunyai hubungan langsung dengan gajah sehingga menjadikan haiwan tersebut sebagai tunggangan rasmi (Nurul Izzati et.al, 2014). Misalnya, Sultan Muzaffar Shah dan Long Muhammad antara pembesar-pembesar Melayu yang mempunyai gajah sendiri, iaitu dikenali sebagai 'Juru Demang' dan 'Ketitian Balai'. Perkara ini memperlihatkan bukti bahawa gajah sememangnya mempunyai kuasa dan keterikatan bersama masyarakat Melayu menerusi hubungan dengan pemerintah Melayu dulu.

Oleh yang demikian, ungkapan hati gajah sama dilapah memperlihatkan kewajaran antara konsep keadilan dengan sifat gajah yang berkuasa. Hal ini demikian kerana, dengan kuasa yang dimiliki lebih mudah untuk seseorang bertindak dengan adil dan saksama. Tambahan pula, sebagai pemimpin atau orang yang berkuasa sememangnya perlu mempunyai sikap yang adil di dalam diri. Khafidz Soroni (2022) menyatakan bahawa antara ciri pemimpin mestilah bersikap adil, iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul. Meneliti pada skop yang lebih luas, gajah adalah lambang kepada keadilan kerana dapat dilihat menerusi habitatnya yang hidup secara berkumpulan. Setiap kumpulan kawan gajah akan terdapat seekor gajah dewasa yang menjaga semua anak-anak gajah yang lain walaupun bukan anaknya sendiri. Gajah Asia hidup secara berkumpulan antara 3 hingga 40 ekor dengan diketuai seekor gajah betina dan semua gajah betina ini akan bersama-sama menjaga anak gajah walaupun bukan anaknya sendiri, iaitu yang dikenali sebagai allo-mothering (PERHILITAN, 2017).

Seterusnya, berdasarkan leksikal 'dilapah', pengkaji mendapati masyarakat Melayu dahulu berjaya memperlihatkan kewajaran diletakkan dengan objek 'gajah' bagi menyempurnakan makna peribahasa tersebut. Lapah ditakrifkan sebagai mengupas kulit dan memotong-motong binatang seperti lembu dan kerbau, atau memotong daging secara besar-besarnya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014). Berdasarkan maksud tersebut, perbuatan melapah adalah bersesuaian dengan gajah, iaitu daripada segi saiz dan jumlahnya. Bukan itu sahaja, fizikal gajah yang besar turut memberi pengertian kepada saiz hati gajah adalah sesuai dengan cara 'lapah'. Pada pandangan pengkaji, masyarakat Melayu dahulu mungkin mengamatiya menerusi aktiviti melapah daging dan kulit lembu atau kerbau sewaktu musim Hari Raya Aidiladha. Keadaan fizikal lembu atau kerbau yang besar tersebut menjadi salah satu faktor 'gajah' turut disesuaikan dengan cara tersebut.

Manakala, penelitian selanjutnya pada ungkapan hati kuman sama dicecah membawa kepada akal budi seterusnya, iaitu perkara kecil boleh membawa kepada masalah yang besar jika tiada keadilan padanya. Seolah-olah setiap tindakan walaupun sekecil-kecil perkara perlu diadili dengan baik kerana perkara yang kecil juga boleh menjadi punca kepada kesan besar jika diabaikan. Seperti yang sedia maklum, kuman merupakan organisma paling halus dalam bumi yang membawa kemudahan kepada semua benda hidup termasuk manusia dan haiwan. Kuman atau germin dalam bahasa Latin merupakan jisim kecil bahan hidup yang mampu berkembang menjadi organisma atau salah satu bahagiannya (Merriam-Webster, 2024). Yamini Durani (2023) menyatakan kuman juga merujuk kepada bakteria mikroskopik, kulat, virus dan protozoa yang boleh menyebabkan penyakit. Pemahaman kuman sebagai punca kepada sesuatu penyakit sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Hal ini demikian kerana, kuman akan mengeluarkan toksin yang akan memasuki tisu perumah (manusia atau haiwan) dan membiak serta mengambil nutrien (makanan) dari perumah sehingga perumah terjejas atau sakit (Mohd Anim, 2024).

Pada masa yang sama, persoalan objek 'kuman' digunakan bagi peribahasa disebabkan penelitian kepada penyakit-penyakit yang pernah dihadapi oleh masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu. Penyakit-penyakit tersebut dapat diteliti menerusi peribahasa bagi ayam berak kapur, iaitu gambaran

kepada orang sakit dengan keadaan pucat serta tiada selera makan dan ayam termakan rambut bagi penyakit paru-paru (Wan Norasyikin, 2022). Tambah beliau lagi, ayam berak kapur dihinggapi dengan penyakit pullorum disease yang berpunca daripada bakteria *Salmonellapullorum*. Kesannya, ayam akan berada dalam keadaan lemah, tidak aktif dan kurang selera makan sama seperti kondisi manusia yang sedang sakit. Begitu juga dengan penyakit paru-paru seperti pneumonia atau dikenali sebagai semput dan nafas pendek oleh masyarakat Melayu yang berlaku disebabkan jangkitan kuman bakteria, virus, kulat dan parasit (Wan Norasyikin, 2022). Masyarakat Melayu tradisional juga sangat mementingkan kebersihan makanan dan pakaian untuk mengelakkan daripada dijangkiti penyakit (Izwandy Asri, 2011). Oleh itu, terjawablah persoalan kenapa kuman menjadi pilihan dalam peribahasa ini.

Kedudukan kuman yang kecil akan tetapi boleh menimbulkan kesan yang besar diibaratkan dengan sifat keadilan dalam kehidupan manusia. Perkara ini dapat dilihat bahawa sikap yang adil itu perlu kepada semua tidak kira hal yang kecil atau besar. Sebagai contoh, banyak pihak yang lebih mengutamakan untuk memberi bantuan kepada negara luar bagi membendung masalah kemiskinan kerana melihat sebagai satu isu besar, akan tetapi pada hakikatnya masih ramai lagi masyarakat miskin di tempat sendiri yang masih belum dibantu kerana merasakan ini adalah suatu perkara biasa. Walhal, perkara kecil ini juga dapat mencetuskan impak yang buruk kepada negara. Menurut Mansur et.al (2013) dalam Amirul Iman (2020) menyatakan bahawa kemiskinan merupakan aspek yang perlu dihapuskan segera kerana dapat memberi kesan dalam pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, konsep keadilan adalah perlu bagi memastikan semua pihak diberikan hak yang sama rata dan tidak ada yang terlepas pandang.

Berikutan itu, leksikal ‘dicecah’ yang ditakrifkan kepada dua maksud, iaitu sekejap atau sebentar dan maksud kedua iaitu sedikit atau secelek adalah wajar bagi penyampaian makna peribahasa tersebut (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014). Berdasarkan maksud berikut memberi pengertian bahawa perbuatan dicecah adalah bersesuaian dengan keadaan kuman sebagai organisma halus iaitu hanya boleh dilihat di bawah mikroskop sahaja. Tambahan juga, perbuatan ‘cecah’ yang kebiasaan dilakukan ketika makan seperti mencicah sos, kuah yang hanya diambil dalam kuantiti sedikit iaitu diletakkan dalam piring kecil sahaja. Demikian itu, perbuatan dicecah adalah wajar untuk dijadikan sebagai perlambangan dalam peribahasa tersebut. Perkara ini memperlihatkan bahawa manusia sememangnya mampu berlaku adil terutamanya kepada perkara yang kecil kerana mungkin hanya memerlukan sedikit waktu untuk diselesaikan berbanding perkara yang lebih besar. Konsep keadilan merupakan perkara yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Menurut Nor dan Salmah (2017) Islam telah mewajibkan kepada umatnya untuk berlaku adil. Perintah untuk berlaku adil ini telah dirakamkan di dalam al-Quran, iaitu Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ؕ اَعْدِلُوا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ؕ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ
اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ۙ

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kalian semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah, lagi menerangkan keadilan; dan janganlah sekali-kali kebencian kalian terhadap sesuatu kaum itu mendorong kalian untuk tidak berlaku adil. Hendaklah kalian berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang kalian lakukan.”

(QS al-Ma'idah/ 6:8)

Menerusi ayat tersebut, jelaslah bahawa keadilan merupakan salah satu konsep Islam yang penting untuk dilaksanakan oleh penganutnya. Hal ini demikian kerana, terdapat pelbagai faedah yang akan diperoleh dengan berlaku adil, misalnya dari segi kesejahteraan dan keselamatan. Hanya dengan keadilan, semua makhluk akan mendapat keselamatan dan mencapai hak-hak sebagai manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan (Fahimi Zakaria, 2022). Bahkan, Allah mengingatkan sekali lagi untuk melakukan keadilan kepada semua tanpa mengira latar belakang, kaum, pangkat atau agama melalui Surah an-Nahl ayat 90 yang bermaksud:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠

“Sesungguhnya Allah menyuruh kalian berlaku adil, berbuat kebajikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kalian (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kalian mengambil peringatan dengan mematuhi-Nya.”

(QS al-Nahl/ 14:90)

Konklusinya, kekreatifan masyarakat Melayu dalam menghasilkan peribahasa adalah satu perkara yang tidak dapat disangkal. Penggunaan unsur fauna seperti gajah dan kuman sebagai perlambangan kepada konsep keadilan dalam peribahasa hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah telah dilihat berdasarkan sifat dan ciri fizikal haiwan-haiwan tersebut. Gajah sebagai haiwan yang bersaiz besar dan kuman sebagai organisma yang paling halus merupakan dua pergandingan yang setara dan bertepatan dengan konsep keadilan bagi peribahasa ini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini membincangkan akal budi dan falsafah yang tersirat di dalam peribahasa Melayu yang berkonsep Islam iaitu menerusi konsep amanah, kerendahan hati, sopan santun dan keadilan. Menerusi pendekatan semantik inkuisitif, hasil dapatan kajian telah membuktikan terdapat keterikatan agama Islam yang kuat dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu, iaitu berdasarkan konsep-konsep Islam yang terkandung dalam peribahasa Melayu. Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu merupakan golongan bijak pandai yang berjaya mencipta sebuah rangkaian kata eksklusif menerusi pengamatan dan pengalaman dengan alam sekeliling. Oleh yang demikian, peribahasa sebagai sebuah warisan asli yang harus kekal dijaga dan digunakan agar tidak pupus ditelan zaman begitu sahaja. Masyarakat Melayu terutamanya golongan muda diharapkan akan terus peka dan cakna akan pengetahuan dan penggunaan peribahasa Melayu dalam kehidupan seharian agar karya tradisional ini dapat diwarisi sehingga ke generasi yang akan datang.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

RUJUKAN

- Abdul, H. A.(2021, 3 November). Manusia: Satu Keluarga Dan Satu Umat. *Harakahdaily*.
<https://harakahdaily.net/index.php/2021/11/03/manusia-satu-keluarga-dan-satu-umat/>
- Abdullah, H.(2007). *Kamus Peribahasa (Edisi Kedua Cetakan Kelapan)*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aemy, L. M., & Arieff, S. R.(2013, 19 Mac). *Makanan dan Kesan Pemakanan Menurut Perspektif Islam*. [Kertas Persidangan]. 4th Social, Development and Environmental Studies International Conference, Bangi, Malaysia.
https://www.researchgate.net/publication/374806962_Makanan_dan_Kesan_Pemakanan_menurut_Perspektif_Islam
- Ahmad, M. I., Zakaria, S.,& Siti, A. S.(2012). Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu, *Jurnal Hadhari Special Edition*, 143-154 http://journalarticle.ukm.my/6103/1/JD005862_143-154.pdf
- Aminnudin, S., & Muhammad, A. M. R. (2022). Konsep Kepimpinan Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 12(1), 6–17.
<https://doi.org/10.15282/ijleal.v12i1.6839>

- Amirul, I. M. J. 2020. Kemiskinan Berterusan dalam Kalangan Masyarakat Miskin Berdasarkan Dimensi Indeks Pembangunan Manusia (HDI). [Master's Thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia]. Institutional Repository Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. <http://eprints.uthm.edu.my/1073/>
- Ashzuhlida, A., Ros, M. A. Z., Zuliskandar, R., & Nur, F. I. (2019). *Perkembangan dan Evolusi Pakaian di Alam Melayu*. Seminar Antarabangsa Susatera, Bahasa dan Budaya Nusantara. UNIMAP Library Digital Repository. <https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/Sutera%202019/723-738.pdf>
- Azarudin, A., Che, Z. I., & Rubiah, A. B. (2021). Citra Dan Cabaran Peribahasa Melayu Dalam Melestarikan Etos Dan Peradaban Bangsa. *Borneo Akademika*, 5(2), 110-121, <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/82291/2/82291.pdf>
- Azimi, M. (2021, 22 September). Tedung Selar Suka Bertelur Sekitar Rumah Lepas Musim Hujan. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2021/09/22/tedung-selar-suka-bertelur-sekitar-rumah-lepas-musim-hujan/>
- Britannica, T. Editor Encyclopaedia (2024, 12 Mac). *Gunting*. Ensiklopedia Britannica. <https://www.britannica.com/technology/scissors>
- Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2021). Penggabungan Pendekatan Semantik Inkuisitif Dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran-Pembelajaran Bahan Seni Bahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 55-66. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.5.2021>
- CNN Indonesia. (2024, 13 Januari). Siapa yang Mencipta Gunting? Ini Tokoh Dan Sejarah Perkembangannya. <https://www.cnnindonesia.com/edukasi/20240111145351-569-1048179/siapa-penemu-gunting-ini-tokoh-dan-sejarah-perkembangannya>
- Edi, P. [@EdiPinginsukses]. (2014, 10 Ogos). *Cara Membuat Getah Pulut*. [Hantaran Facebook]. Facebook. https://www.facebook.com/notes/pemburu-bara-pemikat-burung-bagian-sumatera/cara-membuat-getah-pulut/711837435530536/?_rdr
- Eli, A. S., & Julaina, N. (2020). Leksikal 'Ayam' Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages* <https://www.iium.edu.my/kulliyah/klm/iysjl-2020>
- Fahimi, Z. (2022, 09 November). Pilih Pemimpin Adil. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/11/901427/pilih-pemimpin-adil>
- Faisal, M. (2021, 17 Julai). Bahaya Mulut Patahkan Tulang. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/150490/bahaya-mulut-patahkan-tulang>
- Fatimah, S. (2024). Ketidakhadaman, Kanji, 'Angin' dan Pantang. *Borneo Komrad*. <https://www.borneokomrad.net/ketidakhadaman-kanji-angin-dan-pantang/>
- Geeksforgeeks. (2023, 21 November). What is The Scientific Name of Snakes?. <https://www.geeksforgeeks.org/scientific-name-of-snake/>
- Haryani, N. (2016, 17 Mei). Ular Berbisa Di Malaysia. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/05/154370/ular-berbisa-di-malaysia>
- Hassan, B. K. (1986). *Beberapa Jenis Haiwan Liar Berbisa*. (Jilid 6). Jabatan Perlindungan Hidupan Laut dan Taman Negara (Bahagian Latihan dan Pendidikan). https://www.wildlife.gov.my/images/document/penerbitan/kertas_maklumat/Jld6No2.pdf
- Hazwani, A. (2024, 1 Februari). Dr Malar Perjelas Kolesterol dalam Santan Kelapa hanya Mitos Semata. *TRP*. <https://www.therakyatpost.com/trpbm/kesihatan/2024/02/01/video-dr-malar-perjelas-kolestrol-dalam-santan-kelapa-hanya-mitos-semata/>
- Hidayatul, A. A. (2017, 06 Ogos). Asid Perut Naik Semula ke Esofagus. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/sihat/2017/08/250769/asid-perut-naik-semula-ke-esofagus>
- Huzili, H. (2019, 22 Jun). Terasa Tapi Tak Berbisa. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/33791/terasa-tapi-tak-berbisa>
- Izwandy, A. (2011, 19 November). Ciri-Ciri Melayu Tradisional: Amalan Perubatan. *Izwandayasri*. <https://izwandyasri.blogspot.com/2011/11/ciri-ciri-melayu-tradisional-amalan.html>
- Julaina, N., Mohammad, A. A., & Maizura, O. (2023). Cerminan Kuasa Melalui Peribahasa Melayu Yang Berobjekkan 'Gajah' Dan 'Harimau': Analisis Semantik Inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 241-266. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.11>
- Julaina, N., Nor, H. J., & Junaini, K. (2018). Makanan 'Berangin' Dan 'Berbisa' Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 6(1), 27-40. <http://journalarticle.ukm.my/12453/>
- Junaini, K., & Julaina, N. (2021). Padi Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59-72. <http://journalarticle.ukm.my/16204/1/jatma-2021-0901-06.pdf>
- Joan, Cartan-H. (2024). Snakes: Discovers Snakes. Science Trek. <https://sciencetrek.org/topics/snakes>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairun, A. (2023, 19 April). Masa Raya Pasti Banyak Makan Bersantan, Tapi Awas Jangan Berlebih, Ini Sebabnya!. *Sirap Limau*. <https://siraplimau.com/bahaya-makanan-bersantan/>

- Klop mart.(2021, 08 April). Inilah Cara Membuat Pulut dari Lem Fox yang Mudah. <https://www.klop mart.com/article/detail/inilah-cara-membuat-pulut-dari-lem-fox-yang-mudah>
- Ku, Z. C. A., & Mardzelah, M. 2019. Konseptualisasi Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Al-Qur'an. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 20(1):65-81. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/315>
- Majlis Islam Sarawak. (2023, 01 September). Kesihatan Tubuh Badan Melalui Penjagaan Kebersihan Mulut. *Khutbah Jumaat*. https://mis.sarawak.gov.my/web/attachment/show/?docid=RmU5RFJzRmJ2RUVHSEhqV3c5cVVnZz09OjpAHleu_wMj7aqJtyEt1oAs
- Merriam-Webster.(n.d). Kuman. Dalam kamus Merriam-Webster.com . Diperoleh pada 28 Mei 2024, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/germ>
- Md Nasir, M. R., & Subet, M. F. (2024). Pembelajaran Peribahasa Menurut Perspektif KSSM Bahasa Melayu: Analisis Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif.PENDETA,15(1), 81–93. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.7.2024>
- Mohd, A. H.(2024, 13 Januari). Peribahasa Kuman Dan Gajah. *Anim Agro Technology*. <https://animhosnan.blogspot.com/2024/01/peribahasa-kuman-dan-gajah.html>
- Mohd, A. H.(2016, 7 Disember). Pulut Mangga- Apa Komponennya?. *Anim Agro Technology*. <https://animhosnan.blogspot.com/2016/12/pulut-mangga-apa-komponennya.html>
- Mohd, A. H.(2017, 22 Mei). Apa Dia Beras Pulut?. *Anim Agro Technology*. <https://animhosnan.blogspot.com/2017/05/apa-dia-beras-pulut.html>
- Mohd, A. H.(2021, 3 Jun). Akar Tumbuhan-Apa Dia?. *Anim Agro Technology*. https://animhosnan.blogspot.com/2021/06/akar-tumbuhan-apa-dia_3.html
- Mohd, K. S.(2022, 13 November). Ciri dan Kelebihan Pemimpin Terbaik Menurut Hadis. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/11/903014/ciri-dan-kelebihan-pemimpin-terbaik-menurut-hadis>
- Muhammad, F. M. R. (2022, 8 Julai). Siapa Insan Paling Mulia?. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2022/07/859534/siapa-insan-paling-mulia>
- Muhammad, Z. D.(2018). Domain Rezeki dalam Peribahasa Melayu Berorientasikan Aves melalui Perspektif Semantik Inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28. [https://ir.unimas.my/id/eprint/28809/3/Domain%20Rezeki%20dalam%20Peribahasa%20Melayu%20\(astract\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/28809/3/Domain%20Rezeki%20dalam%20Peribahasa%20Melayu%20(astract).pdf)
- Muhaya, M.(2017, 9 Disember). Kerendahan Hati Tanda Kehebatan Iman. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2017/12/361066/kerendahan-hati-tanda-kehebatan-iman>
- Noorashid, N., & Azli, N. A. (2024). Bahasa Sektis dalam Peribahasa Melayu dan Parambahan Brunei.PENDETA,15(2), 18–36. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.2.2024>
- Nor, A. B. M. N., & Salmah, J. B. N. M. (2017). Bustan Al-Salatin Panduan kepada Pemerintahan Islam yang Adil oleh Golongan Pembantu Raja. *Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia*, (26), 51-75. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/1059/691>
- Nor, H. J.(2017).Semantik Dan Akal Budi Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia Kebangsaan, Selangor:Malaysia.
- Nor, H. J., & Junaini, K. (2010). Remaja Malaysia Dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10, https://www.researchgate.net/publication/303971483_Remaja_Malaysia_dan_Peribahasa_Melayu
- Nor, K. M., Nor, A. A., Nurhasanul, H. Sh., Nur, A. S. I., Anis, M. F., & Nur, A. S. Z.(2024). Penguasaan Peribahasa Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Menggunakan Permainan Juperma 1.0. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 12(1),116-129. <https://doi.org/10.47252/teniat.v12i1.1172>
- Nor, S. I. (2021, 26 Jun). Penghayatan Peribahasa Yang Masih Kurang Dalam Masyarakat. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/06/26/953/>
- Nur, M. H. Z.(2021, 06 Disember). Padah Mulut...Niat Baik Tapi Teguran Dengan Cara Mencarut Dilarang Syarak! Fikir Dulu Sebelum Bercakap. *mStar*. <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/12/06/padah-mulut-niat-baik-tapi-teguran-dengan-cara-mencarut-dilarang-syarak-fikir-dulu-sebelum-bercakap>
- Nurul, I. B. Md. M.(2017). *Gajah dalam masyarakat Melayu sehingga 1957*. [Master's Thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.]. UPSI Digital Repository (UDRep). <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=6358>
- Nurul, I. Md. M., Adnan, J., Khairi, A., Nabir, B. A., & Kamal, B. K.(2014, 23-27 Ogos). *Hubungan gajah dan orang Melayu (di semenanjung tanah Melayu):tumpuan terhadap aspek sosial*. [Kertas Persidangan]. 23nd Conference of the International Association of Historians of Asia 2014 (IAHA), Alor Setar, Kedah.

- https://www.researchgate.net/publication/308715610_Hubungan_gajah_dan_orang_Melayu_di_Semenanjung_Tanah_Melayu_Tumpuan_terhadap_aspek_sosial
- Nurulfatiha, M. (2023, 28 Julai). Harta Dan Pangkat, Ujian Buat Manusia. *Sinar Islam Plus*. <https://siplus.sinarharian.com.my/isu/harta-dan-pangkat-ujian-buat-manusia/>
- Omar, A. (2024). Sejarah Pakaian Tradisional Melayu. *Omar Ali since 1935*. <https://omarali.com.my/sejarah-pakaian-tradisional-melayu/>
- Patoni.(2021, 15 Jun). Kedudukan Manusia Dihadapan Tuhan. *Nu Online*. https://nu.or.id/tasawuf-akhlak/kedudukan-manusia-di-hadapan-allah-w6O5v#google_vignette
- PERHILITAN (2017). Garis Panduan Pengendalian Ular Yang Menimbulkan Konflik: Khusus Bagi Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) & Jabatan Bomba Dan Penyelamat (BOMBA). <https://wildlife.gov.my/images/document/penerbitan/GARIS%20PANDUAN%20PENGENDALIAN%20ULAR%20YANG%20MENIMBULKAN%20KONFLIK.pdf>
- Rahimah, A. H., & Nurul, F. L. A. (2017). Akal Budi Dalam Sastera Rakyat Naratif Dan Bukan Naratif. Universiti Sains Malaysia.
- Rais, Y., & Yusuf, L. B. (2020). Mutiara Pemikiran: Memahami Budaya Tradisi Melayu Melalui Peribahasa. Kuala Lumpur: CM Diverse Sdn.Bhd.
- Rosmidzatul, A. B. M. Y. (2007). Biodiversiti Dan Peranannya Terhadap Keseimbangan Alam Sekitar. Institut Kefahaman Islam Malaysia. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2007/09/14/biodiversiti-dan-peranannya-terhadap-keseimbangan-alam-sekitar/>
- Sairi, B. S. (2015, 20 Januari). Ujian Fungsi Hati. *My Health Kementerian Kesihatan Malaysia*. <http://www.myhealth.gov.my/ujian-fungsi-hati/>
- Salinah, J. (2005). Kesantunan Bahasa: Pertembungan Antara Budaya Melayu- Bukan Melayu Dan Islam-Bukan Islam. Jabatan Linguistik Melayu, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/download/3380/2303/8896>
- Salman, B. H. S., & Nasharuddin B. O. (2006). Gajah (Elephas Maximus) di Semenanjung Malaysia. *PERHILITAN*. https://www.wildlife.gov.my/images/stories/penerbitan/lain_lain/PelanPengurusanGajahSM.pdf
- Sarah, Mc. (2023, 19 April). How Do Snakes Move? <https://www.discoverwildlife.com/animal-facts/reptiles/how-do-snakes-move>
- Sarah, S. (2020, 08 Oktober). Kenapa Makan Pulut Boleh Mengantuk?. *Root of Science*. <https://rootofscience.com/blog/2020/umum/kenapa-makan-pulut-boleh-mengantuk/>
- Siloam Hospitals Medical Team. (2023, 12 Oktober). Mengenal Anatomi Dan Fungsi Mulut Dalam Sistem Pencernaan. *Siloam Hospitals*. <https://www.siloamhospitals.com/en/informasi-siloam/artikel/fungsi-mulut-dalam-sistem-pencernaan>
- Siti, N. B., & Julaina, N. (2021). Falsafah Dan Akal Budi Dalam Peribahasa Melayu Berobjekkan Jagung Dan Nangka: Perspektif Melayu dan Islam, *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1).
- Suhana, Md. Y. (2022, 15 Jun). Jangan Biasakan Mulut Jahat, Hati Baik. *Kosmo!*. <https://www.kosmo.com.my/2022/06/15/jangan-biasakan-mulut-jahat-hati-baik/>
- Superadmin. (2023, 17 April). Animalia: pengertian, ciri-ciri, klasifikasi dan peranannya. *Pijar Belajar*. <https://www.pijarbelajar.id/blog/animalia>
- Taufik, A. A. (2024, 5 Februari). Santan Boleh Turunkan Berat Badan? Kalau Tak Baca Percaya Sampai Habis. *Media Variasi*. <https://mediavariasi.com/2024/02/santan-boleh-turunkan-berat-badan-kalau-tak-percaya-baca-sampai-habis/#:~:text=Sebenarnya%20santan%20memberi%20manfaat%20kepada,sebagai%20alternatif%20kepada%20susu%20tenusu.>
- Wan, N. W. I. (2022). Penyakit Dalam Peribahasa Melayu Menelusuri Kearifan Tempatan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), 25-34. <https://jised.com/PDF/JISED-2022-50-11-03.pdf>
- World Wild Life. (2024). Elephant. WWF. <https://www.worldwildlife.org/species/elephant>
- Yamani, D. (2023, Jun). Kuman: Bakteria, Virus, Kulat dan Protozoa. *Nemours KidsHealth*. <https://kidshealth.org/en/parents/germs.html>
- Zaitul, A. Z. H., & Ahmad, F. M. H. (2011). Bahasa dan Pemikiran Melayu Dalam Peribahasa Melayu, *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11 (3). https://www.researchgate.net/publication/270219170_Bahasa_dan_Pemikiran_dalam_Peribahasa_Melayu
- Zakaria, S., Noranizah, Y., & Abdul F. S. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim, *Jurnal Hadhari Special Edition*, 129-141 http://journalarticle.ukm.my/6102/1/JD005862_129-142.pdf